

BURSA MALAYSIA SECURITIES BERHAD

NOTA AMALAN 29

PERUNTUKAN KECUALIAN DAN PERALIHAN

Perincian	Rujukan Silang
Tarikh semakan:	3 Ogos 2009
	Perenggan 8.03, 8.04, 13.04, 13.05 dan 16.11

1.0 Pengenalan

- 1.1 Nota Amalan ini menyatakan tentang kehendak-kehendak yang mesti dipatuhi oleh penerbit tersenarai yang berkenaan berbangkit daripada pindaan kepada perenggan 8.03 dan 8.04, Nota Amalan 16 dan 17 Kehendak-Kehendak Penyenaraian berkuat kuasa mulai 3 Ogos 2009.
- 1.2 Nota Amalan ini terpakai bagi penerbit tersenarai yang berikut yang tertakluk kepada Kehendak-Kehendak Penyenaraian yang berikut sebelum 3 Ogos 2009:
- (a) **PN4 Syarikat** - perenggan 8.14 dan Nota Amalan Bil 4/2001 dari 15 Februari 2001 hingga 2 Januari 2005 ("**Rangka Kerja PN 4**", sebagaimana yang dinyatakan dalam Lampiran PN29-A);
 - (b) **PN10 Syarikat** - perenggan 8.16 dan Nota Amalan Bil 10/2001, dari 15 Januari 2001 hingga 2 Januari 2005 ("**Rangka Kerja PN 10**" sebagaimana yang dinyatakan dalam Lampiran PN29-B);
 - (c) **PN16 Syarikat Asal** - perenggan 8.14B dan Nota Amalan Bil 16/2005 dari 3 Januari 2005 hingga 4 Mei 2006 ("**Rangka Kerja PN16 Asal**", sebagaimana yang dinyatakan dalam Lampiran PN29-C);
 - (d) **PN17 Syarikat Asal** - perenggan 8.14C dan Nota Amalan Bil 17/2005 dari 3 Januari 2005 hingga 4 Mei 2006 ("**Rangka Kerja PN17 Asal**", sebagaimana yang dinyatakan dalam Lampiran PN29-D);
 - (e) **PN16 Syarikat Pindaan** – pindaan perenggan 8.14B dan Nota Amalan Bil 16/2005 dari 5 Mei 2006 hingga 2 Ogos 2009 ("**Rangka Kerja PN16 Pindaan**", sebagaimana yang dinyatakan dalam Lampiran PN29-E); dan
 - (f) **PN17 Syarikat Pindaan** – pindaan perenggan 8.14C dan Nota Amalan Bil 17/2005 dari 5 Mei 2006 hingga 2 Ogos 2009 ("**Rangka Kerja PN17 Pindaan**", sebagaimana yang dinyatakan dalam Lampiran PN29-F).

2.0 Peruntukan Kecualian dan Peralihan bagi PN 4 dan PN 10 Syarikat

- 2.1 Pemansuhan Rangka Kerja PN 4 dan Rangka Kerja PN 10 berkuat kuasa mulai 3 Januari 2005 tidak boleh mengikut apa-apa cara menjejaskan obligasi penerbit tersenarai yang -
- (a) mencetuskan mana-mana kriteria yang dinyatakan dalam perenggan 2.1 PN4; atau

- (b) yang telah ditentukan oleh Bursa sebagai mempunyai tahap operasi yang tidak mencukupi untuk mewajarkan dagangan berterusan, penyenaian kedua-duanya, di Senarai Rasmi menurut Rangka Kerja PN10,

sebelum 3 Januari 2005.

- 2.2 PN4 dan PN10 Syarikat mesti terus mematuhi obligasi mereka di bawah Rangka Kerja PN 4 atau Rangka Kerja PN 10, mengikut mana-mana yang berkenaan.

3.0 Peruntukan kecualian dan peralihan bagi PN16 dan PN17 Syarikat Asal

- 3.1 Pindaan kepada Rangka Kerja PN16 Asal dan Rangka Kerja PN17 Asal berkuat kuasa mulai 5 Mei 2006 tidak boleh mengikut apa-apa cara menjejaskan obligasi penerbit tersenarai yang-

- (a) telah dianggap sebagai Syarikat Tunai menurut perenggan 8.14B; atau
(b) mencetuskan mana-mana kriteria yang dinyatakan dalam perenggan 2.1 PN17,

sebelum 5 Mei 2006.

- 3.2 PN16 dan PN17 Syarikat Asal mesti terus mematuhi obligasi mereka di bawah PN16 dan Rangka Kerja PN17 Asal.

4.0 Peruntukan kecualian dan peralihan bagi PN16 dan PN17 Syarikat Pindaan

- 4.1 Pindaan kepada Rangka Kerja PN16 Pindaan dan Rangka Kerja PN17 Pindaan berkuat kuasa mulai 3 Ogos 2009 tidak boleh mengikut apa-apa cara menjejaskan obligasi penerbit tersenarai yang -

- (a) telah dianggap sebagai Syarikat Tunai menurut perenggan 8.14B; atau
(b) mencetuskan mana-mana kriteria yang dinyatakan dalam perenggan 2.1 PN17,

sebelum 3 Ogos 2009.

- 4.2 Tertakluk kepada perenggan 4.3 di bawah, PN16 Pindaan dan PN17 Syarikat Pindaan mesti terus mematuhi obligasi mereka di bawah PN16 Pindaan dan Rangka Kerja PN17 Pindaan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

- 4.3 Walau apa pun perenggan 4.2 di atas, PN16 Syarikat Pindaan atau PN17 Syarikat Pindaan boleh memohon kepada Bursa untuk menjadikan keadaannya teratur di bawah perenggan 8.03 dan PN16 atau perenggan 8.04 dan PN17 Kehendak-Kehendak Penyenaian yang berkuat kuasa pada 3 Ogos 2009, dengan syarat bahawa PN16 Pindaan atau PN17 Syarikat Pindaan itu masih dalam rangka masa yang diperuntukkan atau dilanjutkan yang diberikan oleh Bursa untuk mengemukakan cadangan atau pelan untuk menjadikan keadaannya teratur di bawah PN16 Pindaan atau Rangka Kerja PN17 Pindaan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

LAMPIRAN PN29-A**Rangka Kerja PN4**

(perenggan 1.2(a), 2.1 dan 2.2)

[Pengeluaran Semula Perenggan 8.14]**“8.14 Kedudukan kewangan**

- (1) Kedudukan kewangan penerbit tersenarai secara disatukan mesti, pada pendapat Bursa, mewajarkan dagangan berterusan dan/atau penyenaian di Senarai Rasmi. Sekiranya kedudukan kewangan penerbit tersenarai secara disatukan tidak, pada pendapat Bursa, mewajarkan penyenaian berterusan di Senarai Rasmi, Bursa boleh membatalkan penyenaian penerbit tersenarai itu.
- (2) Bursa boleh menetapkan kriteria tertentu berhubung dengan kedudukan kewangan penerbit tersenarai, yang pencapaiannya menghendaki penerbit tersenarai dan/atau pengarahnya mematuhi subperenggan (3) di bawah.
- (3) Jika penerbit tersenarai memenuhi satu atau lebih kriteria yang ditetapkan oleh Bursa menurut subperenggan (2) di atas, penerbit tersenarai itu dan/atau pengarahnya mesti -
 - (a) menjadikan teratur kedudukan kewangannya dalam rangka masa yang diperuntukkan oleh Bursa;
 - (b) mengemukakan apa-apa maklumat atau dokumen yang ditetapkan oleh Bursa dari semasa ke semasa, sama ada untuk siaran awam atau untuk makluman Bursa;
 - (c) jika ia memenuhi satu atau lebih kriteria yang ditetapkan oleh Bursa bagi pelantikan akauntan pemantau, melantik suatu firma perakaunan bebas sebagai akauntan pemantau, untuk melaksanakan apa-apa fungsi yang ditentukan oleh Bursa dan untuk melaporkan kepada Bursa dan penerbit tersenarai secara berkala; dan
 - (d) melakukan semua tindakan atau perkara yang diarahkan oleh Bursa, dari semasa ke semasa.
- (4) Apa-apa kos yang ditanggung akibat daripada pelantikan akauntan pemantau itu menurut subperenggan (3)(c) di atas hendaklah ditanggung oleh penerbit tersenarai.
- (5) Tiada apa jua dalam peruntukan di atas boleh ditafsirkan sebagai menjadikan akauntan pemantau itu sebagai ejen Bursa.”

[Pengeluaran Semula Nota Amalan Bil 4/2001]

“BURSA SAHAM KUALA LUMPUR

NOTA AMALAN BIL 4/2001

KRITERIA DAN OBLIGASI MENURUT PERENGGAN 8.14 KEHENDAK-KEHENDAK PENYENARAIAAN

Dikeluarkan berhubung dengan perenggan 8.14, 16.02 dan 16.09 Kehendak-Kehendak Penyenaiaian;

Dan

Menurut perenggan 2.08 Kehendak-Kehendak Penyenaiaian.

1.0 Pengenalan

1.1 Nota Amalan ini menyatakan tentang, antara lain, yang berikut:-

- (a) kriteria berhubung dengan keadaan kewangan penerbit tersenarai, yang pencapaian satu atau lebih kriteria itu menghendaki penerbit tersenarai dan/atau pengarahnya untuk mematuhi peruntukan Nota Amalan ini (penerbit tersenarai yang memenuhi satu atau lebih kriteria itu hendaklah kemudian daripada ini disebut sebagai “penerbit tersenarai yang terkesan”);
- (b) kehendak-kehendak yang mesti dipatuhi oleh penerbit tersenarai yang terkesan; dan
- (c) tindakan yang boleh diambil oleh Bursa berkenaan dengan penerbit tersenarai yang terkesan.

1.2 Melainkan selainnya dilanjutkan oleh Bursa, penerbit tersenarai yang terkesan mempunyai rangka masa maksimum antara 6 hingga 12 bulan untuk melaksanakan pelannya untuk menjadikan keadaan kewangannya teratur.

1.3 Penerbit tersenarai yang terkesan yang gagal mematuhi obligasi yang dinyatakan di bawah Nota Amalan ini boleh digantung dan/atau dibatalkan penyenaiaian.

1.4 Bursa akan memberikan proses yang sewajarnya kepada penerbit tersenarai yang terkesan sebelum menguatkuasakan apa-apa penggantungan dan/atau pembatalan penyenaiaian.

2.0 Kriteria

2.1 Menurut perenggan 8.14(2) Kehendak-Kehendak Penyenaiaian, Bursa menetapkan kriteria yang berikut, yang pencapaian satu atau lebih kriteria itu menghendaki penerbit tersenarai yang terkesan dan/atau pengarahnya mematuhi peruntukan Nota Amalan ini :-

- (a) defisit pada ekuiti pemegang syer terlaras penerbit tersenarai secara disatukan;
- (b) penerima dan/atau pengurus telah dilantik terhadap harta penerbit tersenarai, atau terhadap harta subsidiari utamanya atau syarikat bersekutu utama yang harta itu berjumlah sekurang-kurangnya 70% daripada jumlah aset yang digunakan oleh penerbit tersenarai secara disatukan;

- (c) juruaudit telah menyatakan pendapat negatif atau penafian berkenaan dengan usaha berterusan penerbit tersenarai, dalam akaun teraudit terkininya; atau
- (d) pentadbir khas telah dilantik terhadap penerbit tersenarai atau subsidiari utama atau syarikat bersekutu utama penerbit tersenarai menurut peruntukan Akta Pengurusan Danaharta Nasional Berhad 1998.

2.2 Bagi maksud Nota Amalan ini:-

- (a) “ekuiti pemegang syer terlaras” ditakrifkan sebagai kepentingan baki dalam aset penerbit tersenarai secara disatukan selepas ditolak semua liabilitinya, berdasarkan akaun teraudit atau akaun tidak teraudit penerbit tersenarai. Komponen ekuiti pemegang syer terlaras termasuk yang berikut:
 - (i) modal syer;
 - (ii) akaun premium syer;
 - (iii) rizab penebusan modal;
 - (iv) rizab penilaian semula;
 - (v) rizab terjemahan;
 - (vi) keuntungan dipegang/kerugian terkumpul; dan
 - (vii) rizab lain dan/atau apa-apa komponen lain yang ditentukan oleh Bursa.

Bagi maksud takrif ini, syer keutamaan boleh tebus dan muhibah negatif atau rizab atas penyatuan hendaklah dikeluarkan daripada penentuan ekuiti pemegang syer terlaras. Sebagai tambahan, dalam menentukan komponen “rizab lain dan/atau apa-apa komponen lain”, jika tiada peruntukan dalam piawaian perakunan yang diluluskan dan/atau Akta Syarikat 1965, Bursa akan mengambil kira pemakaian prinsip perakaunan yang diterima umum dan amalan semasa terbaik dan layanan Bursa bagi komponen ini hendaklah mengatasi; dan

- (b) “subsidiari utama” ertinya subsidiari yang menyumbang 70% atau lebih keuntungan sebelum cukai atau jumlah aset yang digunakan oleh penerbit tersenarai secara disatukan.

3.0 Obligasi penerbit tersenarai yang terkesan

3.1 Penerbit tersenarai yang terkesan mesti mematuhi obligasi yang berikut:-

- (a) mengemukakan apa-apa maklumat atau dokumen yang ditetapkan dalam perenggan 4.1 di bawah;
- (b) menjadikan teratur keadaan kewangannya dalam jadual masa yang diperuntukkan dalam perenggan 5.1 di bawah; dan
- (c) melantik akauntan pemantau, jika ia memenuhi kriteria yang dinyatakan dalam perenggan 6.1 di bawah.

4.0 Penzahiran obligasi penerbit tersenarai yang terkesan

- 4.1 Penerbit tersenarai yang terkesan mesti mematuhi kehendak penzahiran yang berikut. Penerbit tersenarai yang terkesan mesti -

-
- (a) dalam masa 7 hari pasaran dari tarikh Nota Amalan ini atau dari tarikh penerbit tersenarai memenuhi satu atau lebih kriteria yang ditetapkan menurut perenggan 8.14(2) Kehendak-Kehendak Penyenaraian, mengikut mana-mana yang lebih kemudian, mengumumkan yang berikut ("Pengumuman Pertama"):-
- (i) penerbit tersenarai ialah penerbit tersenarai yang terkesan menurut Nota Amalan ini;
 - (ii) obligasi penerbit tersenarai menurut Nota Amalan ini;
 - (iii) kesan ketidakpatuhan obligasi itu; dan
 - (iv) status pelan penerbit tersenarai untuk menjadikan teratur keadaan kewangannya dan status usahanya untuk menggubal pelan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, atau jika tiada pelan atau apa-apa usaha untuk menggubal pelan itu telah dijalankan, pernyataan negatif yang bersesuaian yang menyatakan sedemikian;
- (b) mengumumkan status pelannya untuk menjadikan teratur keadaan kewangannya setiap bulan sehingga notis lanjut daripada Bursa;
- (c) mengumumkan pematuhannya atau kegagalannya untuk mematuhi obligasi tertentu yang dikenakan menurut Nota Amalan ini, apabila obligasi itu kena dilaksanakan; dan
- (d) mengemukakan laporan bulanan kepada Bursa ("Laporan Bulanan") mengikut cara yang dinyatakan dalam perenggan 4.2 di bawah, yang disertakan dengan akuan berkanun sebagaimana yang diperuntukkan dalam perenggan 4.5 di bawah.

4.2 Laporan Bulanan mesti memasukkan yang berikut:-

- (a) perincian semua transaksi pihak berkaitan yang dibuat oleh penerbit tersenarai yang terkesan dan subsidiarinya dalam bulan yang dilaporkan, tanpa mengambil kira nilai transaksi dan tanpa mengambil kira sama ada atau tidak transaksi itu dibuat dalam perjalanan biasa perniagaan, dan apa-apa transaksi lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Bursa, dari semasa ke semasa; dan
- (b) perincian baki tertunggak yang kena dibayar kepada penerbit tersenarai yang terkesan dan subsidiarinya oleh pemegang syer substansial dan pengarah penerbit tersenarai (jika ada).

4.3 Perincian transaksi yang perlu dizahirkan hendaklah termasuk yang berikut:-

- (a) tarikh transaksi;
- (b) perihalan transaksi;
- (c) pihak-pihak kepada transaksi;
- (d) hubungan pihak-pihak dengan pemegang syer substansial atau pengarah penerbit tersenarai yang terkesan (jika berkenaan);
- (e) rasional untuk membuat transaksi itu;
- (f) balasan bagi transaksi; dan
- (g) sama ada transaksi mengikut terma komersial biasa.

-
- 4.4 Laporan Bulanan mesti dikemukakan kepada Bursa dalam masa 10 hari pasaran dari akhir bulan yang dilaporkan dan mesti terus dikemukakan sehingga notis lanjut daripada Bursa.
- 4.5 Penerbit tersenarai yang terkesan mesti mengemukakan akuan berkanun yang ditandatangani dengan sewajarnya oleh lembaga pengarahnya atau 2 orang pengarah yang diberi kuasa dengan sewajarnya oleh lembaga pengarah berserta dengan Laporan Bulanan itu, dalam format yang ditetapkan yang dilampirkan sebagai Lampiran PN4/2001-A.

5.0 Jadual masa untuk menjadikan teratur keadaan kewangan

- 5.1 Penerbit tersenarai yang terkesan mesti mematuhi jadual masa yang berikut:-
- (a) penerbit tersenarai yang terkesan mesti membuat pengumuman kepada Bursa tentang pelan untuk menjadikan teratur keadaan kewangannya dalam masa 6 bulan dari tarikh Pengumuman Pertama. Pengumuman ini mesti memenuhi kehendak-kehendak Bursa yang dinyatakan dalam perenggan 5.2 ("pengumuman diperlukan");
 - (b) penerbit tersenarai yang terkesan yang telah membuat pengumuman tentang pelan untuk menjadikan teratur keadaan kewangannya mesti mengemukakan pelannya untuk menjadikan teratur keadaan kewangannya kepada pihak berkuasa yang berkenaan untuk kelulusan, termasuk Suruhanjaya (jika berkenaan), dalam masa 2 bulan dari tarikh pengumuman diperlukan atau tarikh Pengumuman Pertama (mengikut mana-mana yang berkenaan); dan
 - (c) penerbit tersenarai yang terkesan yang telah membuat pengumuman tersebut dan mengemukakan pelannya untuk menjadikan teratur keadaan kewangannya kepada pihak berkuasa yang berkenaan, mengikut perenggan 5.1(a) dan (b), mesti mendapatkan semua kelulusan yang perlu bagi pelaksanaan pelan itu dalam masa 4 bulan dari tarikh pengumuman pelan itu untuk kelulusan.
- 5.2 Pengumuman diperlukan mesti memenuhi syarat yang berikut:-
- (a) ia mestilah suatu pelan yang terperinci, yang pelaksanaannya akan membolehkan penerbit tersenarai yang terkesan untuk menjadikan teratur keadaan kewangannya; dan
 - (b) ia mesti diumumkan oleh saudagar bank atau Anggota Syarikat yang diluluskan oleh Suruhanjaya untuk bertindak sebagai penasihat mengikut cara yang sama sebagaimana penasihat di bawah Polisi dan Garis Panduan Suruhanjaya tentang Terbitan/ Tawaran Sekuriti dan termasuk jadual masa bagi penyempurnaan pelan itu.
- 5.3 Penerbit tersenarai yang terkesan mesti memastikan bahawa sebelum membuat pengumuman diperlukan :-
- (a) semua perjanjian yang dibuat dengan pihak ketiga sebagai sebahagian daripada pelan untuk menjadikan teratur keadaan kewangan, telah ditandatangani dengan sewajarnya oleh semua pihak kepada perjanjian itu; dan
 - (b) jika pelan itu melibatkan kompromi atau perkiraan dengan pemiutang penerbit tersenarai, penerbit tersenarai yang terkesan telah mengambil langkah yang munasabah untuk mendapatkan persetujuan secara prinsip pemiutang itu.
- 5.4 Penerbit tersenarai yang terkesan mesti melaksanakan pelannya untuk menjadikan teratur keadaan kewangannya dalam rangka masa yang diperuntukkan dalam perenggan 5.1 di atas.

- 5.5 Penerbit tersenarai yang terkesan yang telah membuat pengumuman tentang pelan untuk menjadikan teratur keadaannya pada atau sebelum tarikh Nota Amalan ini dan kemudiannya mengumumkan bahawa pelannya telah dibatalkan, boleh diberi masa sehingga 6 bulan dari tarikh Pengumuman Pertama untuk membuat pengumuman diperlukan yang lain tentang pelan untuk menjadikan teratur keadaannya dengan syarat bahawa pengumuman untuk membatalkan dibuat dalam masa 2 bulan dari tarikh Pengumuman Pertama.
- 5.6 Bursa mempunyai budi bicara untuk melanjutkan rangka masa yang diberikan kepada penerbit tersenarai yang terkesan menurut perenggan 5.1 di atas, atas permintaannya, sekiranya hal keadaan membenarkannya.

6.0 Akauntan pemantau

- 6.1 Penerbit tersenarai yang terkesan yang memenuhi satu atau lebih kriteria yang berikut mesti melantik firma perakaunan bebas sebagai akauntan pemantau ("akauntan pemantau") dalam masa 2 minggu dari tarikh Pengumuman Pertama, untuk melaksanakan fungsi-fungsi yang dinyatakan dalam perenggan 6.2 di bawah:-
- (a) akaun teraudit kumpulan terkini penerbit tersenarai yang terkesan adalah layak dalam mana-mana satu atau lebih keadaan yang berikut:-
 - (i) juruaudit tidak dapat menentukan bahawa semua transaksi yang berkenaan telah direkodkan disebabkan rekod perakaunan yang tidak lengkap; atau
 - (ii) juruaudit tidak dapat memperoleh maklumat dan penjelasan yang mencukupi daripada pengarah berkenaan dengan akaun disatukan teraudit kumpulan terkini; atau
 - (b) akaun teraudit terkini tidak dikeluarkan dan pengeluarannya telah menjadi lewat bagi tempoh melebihi 6 bulan dari tarikh akaun teraudit itu kena dikeluarkan.
- 6.2 Fungsi akauntan pemantau termasuk yang berikut:-
- (a) memeriksa dan mengkaji semula semua pembayaran dan penerimaan penerbit tersenarai yang terkesan;
 - (b) mengkaji semula pergerakan semua aset penerbit tersenarai yang terkesan;
 - (c) melaporkan apa-apa tindakan undang-undang yang melibatkan penerbit tersenarai yang terkesan dan subsidiarinya;
 - (d) melawat operasi penerbit tersenarai yang terkesan, apabila dianggap perlu;
 - (e) melaporkan perkara di atas kepada Bursa dan penerbit tersenarai sekali setiap 2 bulan, dengan menekankan secara khusus, apa-apa ketakteraturan; dan
 - (f) melaporkan apa-apa ketakteraturan dalam penerbit tersenarai kepada mana-mana pengawal selia lain yang berkenaan, termasuk tetapi tidak terhad kepada Suruhanjaya dan Pendaftar Syarikat, mengikut mana-mana yang berkenaan.
- 6.3 Tiada mana-mana peruntukan di atas boleh ditafsirkan sebagai menjadikan akauntan pemantau sebagai ejen Bursa.

7.0 Pembatalan penggantungan

- 7.1 Bursa boleh membatalkan penggantungan dagangan sekuriti penerbit tersenarai yang terkesan yang digantung, atas permintaan bertulisnya, dengan syarat penerbit tersenarai itu:-
- (a) tidak tertakluk kepada pelantikan penerima dan/atau pengurus menurut perenggan 2.1(b);
 - (b) tidak tertakluk kepada prosiding penggulungan;
 - (c) tidak gagal menerbitkan laporan tahunan terkininya bagi tempoh melebihi 12 bulan dari akhir tahun kewangannya atau tidak gagal untuk menerbitkan laporan suku tahunannya menurut perenggan 9.22 Kehendak-Kehendak Penyenaraian bagi 2 suku tahun kewangan berturut-turut;
 - (d) boleh mengemukakan sebab yang mencukupi, yang pada pendapat Bursa, boleh mewajarkan pembatalan penggantungan itu; dan
 - (e) ia mematuhi kehendak-kehendak lain Bursa menurut Nota Amalan ini.

8.0 Pematuhan kehendak-kehendak

- 8.1 Mana-mana penerbit tersenarai yang terkesan yang gagal mematuhi mana-mana obligasi yang dikenakan terhadapnya oleh Bursa di bawah Nota Amalan ini, boleh dianggap sebagai penerbit tersenarai yang keadaan kewangannya tidak mewajarkan dagangan dan/atau penyenaraian berterusan.

9.0 Tarikh Kuat Kuasa

- 9.1 Nota Amalan ini berkuat kuasa pada 15 Februari 2001.”

Lampiran PN4/2001-A

AKUAN BERKANUN

Saya/Kami,[No. Kad Pengenalan/No. Pasport], pengarah[nama penerbit tersenarai] (“penerbit tersenarai”) dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku seperti yang berikut:-

1. Transaksi yang dilaporkan dalam Laporan Bulanan bagi bulan terdiri daripada semua transaksi pihak berkaitan yang dibuat oleh penerbit tersenarai dan subsidiarinya dalam bulan yang berkaitan;
2. Kecuali sebagaimana yang dizahirkan, saya/kami berikrar bahawa semua transaksi yang dibuat oleh penerbit tersenarai dan subsidiarinya dalam bulan yang berkaitan adalah dalam perjalanan biasa perniagaan penerbit tersenarai dan subsidiarinya dan atas terma tidak lebih baik daripada yang umumnya tersedia kepada orang awam;
3. Kecuali sebagaimana yang dizahirkan, berdasarkan pengetahuan terbaik saya/kami, pemegang syer mengawal atau pengarah tidak mendapat faedah mengikut apa-apa cara daripada transaksi penerbit tersenarai dan subsidiarinya; dan
4. Saya/Kami telah, pada setiap masa, dalam bulan yang berkaitan, bertindak demi kepentingan terbaik penerbit tersenarai.

Dan saya/kami membuat akuan ini dengan kepercayaan bahawa akuan ini adalah benar, dan menurut kuasa peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960.

Diperbuat dan dengan sesungguhnya diakui oleh yang tersebut namanya di atas

.....)
di)
di dalam Negeri)
padahari bulan,

Di hadapan saya,

.....
(Tandatangan Hakim Mahkamah Sesyen,
Majistret, Pesuruhjaya Sumpah)”

[Lampiran Tamat]

LAMPIRAN PN29-B**Rangka Kerja PN10**

(perenggan 1.2(b), 2.1 dan 2.2)

[Pengeluaran Semula Perenggan 8.16]**“8.16 Tahap operasi**

- (1) Tahap operasi penerbit tersenarai mesti, pada pendapat Bursa, mencukupi untuk mewajarkan dagangan dan/atau penyenaian berterusan di Senarai Rasmi.
- (2) Penerbit tersenarai yang tahap operasinya, pada pendapat Bursa, tidak mencukupi untuk mewajarkan dagangan berterusan di Senarai Rasmi boleh menyebabkan dagangan sekuritinya digantung. Apa-apa penggantungan yang dikenakan oleh Bursa hendaklah kekal berkuat kuasa bagi tempoh 6 bulan atau apa-apa tempoh lain yang ditentukan oleh Bursa.
- (3) Sekiranya pada akhir tempoh pengantungan, tahap operasi penerbit tersenarai masih tidak mencukupi untuk mewajarkan penyenaian berterusan, Bursa boleh membatalkan penyenaian penerbit tersenarai itu.”

[Pengeluaran Semula Nota Amalan Bil 10/2001]

“BURSA SAHAM KUALA LUMPUR

NOTA AMALAN BIL 10/2001

TAHAP OPERASI

Dikeluarkan berhubung dengan perenggan 8.16 Kehendak-Kehendak Penyenaraian;

Dan

Menurut perenggan 2.08 dan 2.19 Kehendak-Kehendak Penyenaraian.

1.0 Pengenalan

- 1.1 Penerbit tersenarai mesti mengekalkan tahap operasi yang, pada pendapat Bursa, mencukupi untuk mewajarkan dagangan dan/atau penyenaraian berterusan di Senarai Rasmi sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 8.16 Kehendak-Kehendak Penyenaraian.
- 1.2 Dalam hal ini, Nota Amalan ini memperincikan yang berikut berhubung dengan penerbit tersenarai:-
 - (a) hal keadaan yang boleh menjadi suatu petunjuk bahawa penerbit tersenarai mempunyai tahap operasi yang tidak mencukupi untuk mewajarkan dagangan dan/atau penyenaraian berterusan di Senarai Rasmi (tahap operasi itu kemudian daripada ini disebut sebagai “tahap operasi yang tidak mencukupi”); dan
 - (b) obligasi penerbit tersenarai itu.
- 1.3 Perlu diambil maklum bahawa hal keadaan yang dinyatakan dalam perenggan 2.1 dan 2.2 Nota Amalan ini tidak bersifat menyeluruh.
- 1.4 Tiada apa-apa jua dalam Nota Amalan ini boleh ditafsirkan sebagai mengehendak keluasan perenggan 8.16 Kehendak-Kehendak Penyenaraian.

2.0 Penentuan kecukupan tahap operasi

- 2.1 Yang berikut ialah beberapa hal keadaan, yang jika berlaku mana-mana satu daripadanya, boleh menyebabkan Bursa membuat penentuan bahawa penerbit tersenarai mempunyai tahap operasi yang tidak mencukupi menurut perenggan 8.16 Kehendak-Kehendak Penyenaraian:-
 - (a) jika aset penerbit tersenarai secara disatukan terdiri daripada 70% atau lebih tunai dan/atau pelaburan jangka pendek (kemudian daripada ini disebut sebagai “Syarikat Tunai”). Sebagai kehendak minimum, penerbit tersenarai mesti membuat penentuan sama ada ia merupakan atau telah menjadi Syarikat Tunai apabila ia melupuskan asetnya dan/atau perniagaan secara kumpulan atau menyediakan penyata kewangan atau akaunnya.

Bagi maksud perenggan ini, “pelaburan jangka pendek” ertinya pelaburan yang sifatnya sedia boleh direalisasi dan dihasratkan untuk dipegang bagi tempoh 12 bulan atau kurang termasuk kepentingan (ekuiti atau selainya) dalam syarikat;

- (b) penerbit tersenarai telah menggantung atau menghentikan:-
- (i) semua perniagaannya atau perniagaan utamanya; atau
 - (ii) keseluruhan operasinya atau operasi utamanya,
- atas apa-apa jua sebab termasuk, antara lain, yang disebabkan atau akibat daripada:-
- (aa) pembatalan, kerugian atau tiada pembaharuan lesen, konsesi atau apa-apa hak lain yang perlu untuk menjalankan aktiviti perniagaannya;
 - (bb) pelupusan perniagaan atau perniagaan utama penerbit tersenarai; atau
 - (cc) suatu perintah atau penghakiman mahkamah telah diperoleh terhadap penerbit tersenarai yang melarang penerbit tersenarai daripada menjalankan operasi utamanya atas alasan pelanggaran hak cipta produk dsb.

Bagi maksud perenggan ini, "utama" ertinya apa-apa bahagian yang membentuk atau menjana 70% atau lebih hasil penerbit tersenarai secara disatukan berdasarkan akaun teraudit tahunan terkininya; atau

- (c) penerbit tersenarai mempunyai perniagaan atau operasi yang tidak signifikan. Bagi maksud perenggan ini, "perniagaan atau operasi yang tidak signifikan" ertinya perniagaan atau operasi yang menjana hasil secara disatukan yang mewakili 5% atau kurang daripada modal terbitan dan berbayar (tidak termasuk apa-apa syer keutamaan boleh tebus) penerbit tersenarai (kemudian daripada ini disebut sebagai "Modal") berdasarkan akaun teraudit tahunan terkininya.

Bagi maksud pengiraan, jika terdapat perubahan pada Modal dalam tahun kewangan itu, Modal purata berwajaran bagi tahun kewangan itu hendaklah digunakan. Modal purata berwajaran ertinya jumlah amaun Modal pada permulaan tahun kewangan itu, diselaraskan dengan amaun penambahan atau pengurangan Modal semasa tahun kewangan itu digandakan dengan faktor wajaran masa. Faktor wajaran masa ialah bilangan hari yang Modal tertentu tertunggak sebagai suatu bahagian daripada jumlah bilangan hari dalam tahun kewangan itu.

Contoh – Purata Berwajaran Modal		Modal Terbitan dan Berbayar (RM)
1 Januari 2000	Baki	60,000,000
1 Jun 2000	Terbitan 10,000,000 syer baharu untuk tunai	70,000,000
1 Dis 2000	Terbitan 12,000,000 syer baharu untuk tunai	82,000,000
Pengiraan purata berwajaran:		
$(60,000,000 \times 151/365) + (70,000,000 \times 183/365) + (82,000,000 \times 31/365) = 66,882,185$		

2.2 Jika penerbit tersenarai termasuk dalam mana-mana satu hal keadaan yang dinyatakan dalam perenggan 2.1 di atas, Bursa akan membuat penentuan sama ada penerbit tersenarai mempunyai tahap operasi yang tidak mencukupi selepas mempertimbangkan semua fakta dan hal keadaan yang berkenaan yang berhubungan dengan perniagaan dan operasi penerbit tersenarai serta keadaan ekonomi makro semasa. Sekiranya Bursa menentukan penerbit tersenarai mempunyai tahap operasi yang tidak mencukupi, Bursa akan memaklumkan penerbit tersenarai tentang penentuan ini (kemudian daripada ini disebut sebagai "Notis").

3.0 Pengecualian

3.1 Perenggan 2.1(a) tidak terpakai bagi syarikat yang aktivitiya dikawal selia mengikut undang-undang bertulis yang berhubungan dengan perbankan, syarikat kewangan atau insurans dan tertakluk kepada pengawasan oleh Bank Negara Malaysia, Syarikat Anggota, dana tertutup, dana amanah harta dan syarikat projek infrastruktur yang belum menyiapkan projek infrastruktur mereka.

3.2 Perenggan 2.1(c) tidak terpakai bagi dana tertutup, dana amanah harta dan syarikat projek infrastruktur yang belum menyiapkan dan memulakan operasi projek infrastruktur mereka.

3.3 Bagi maksud perenggan 3.1 dan 3.2 di atas, "projek infrastruktur" adalah sebagaimana ditakrifkan dalam Garis Panduan Suruhanjaya bagi Tawaran Awam Sekuriti Syarikat Projek Infrastruktur.

4.0 Obligasi penerbit tersenarai

4.1 Penerbit tersenarai yang termasuk dalam mana-mana satu hal keadaan yang dinyatakan dalam perenggan 2.1 mesti memberitahu Bursa secara bertulis tentangnya dengan serta-merta.

4.2 Jika Bursa menentukan penerbit tersenarai sebagai mempunyai tahap operasi yang tidak mencukupi dan mengeluarkan Notis kepada penerbit tersenarai (kemudian daripada ini disebut sebagai "penerbit tersenarai yang terkesan"), penerbit tersenarai yang terkesan mesti mematuhi yang berikut:-

- (a) mengemukakan apa-apa maklumat yang ditetapkan dalam perenggan 5.1 di bawah;
- (b) mematuhi obligasi yang dinyatakan dalam perenggan 6.1 di bawah dalam rangka masa yang diperuntukkan di dalamnya; dan
- (c) melakukan apa-apa tindakan atau benda lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Bursa.

5.0 Obligasi penzahiran penerbit tersenarai yang terkesan

5.1 Penerbit tersenarai yang terkesan mesti mematuhi kehendak penzahiran yang berikut. Penerbit tersenarai yang terkesan mesti:-

- (a) dalam masa 7 hari pasaran dari Notis mengumumkan yang berikut kepada Bursa (kemudian daripada ini disebut sebagai "Pengumuman Awal"):-
 - (i) bahawa penerbit tersenarai yang terkesan mempunyai tahap operasi yang tidak mencukupi dan perincian yang berhubungan dengan perkara itu;
 - (ii) obligasi penerbit tersenarai yang terkesan menurut Nota Amalan ini;
 - (iii) kesan ketidakpatuhan obligasi tersebut; dan

-
- (iv) status cadangan penerbit tersenarai yang terkesan, jika ada, untuk memastikan tahap operasi yang mencukupi atau status usahanya/langkahnya untuk menggubal cadangan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, atau jika tiada cadangan atau apa-apa usaha untuk menggubal cadangan itu telah dilaksanakan, suatu pernyataan negatif yang bersesuaian yang menyatakan sedemikian;
 - (b) mengumumkan status cadangannya untuk memastikan tahap operasi yang mencukupi serentak dengan laporan suku tahunannya menurut perenggan 9.22 Kehendak-Kehendak Penyenaraian dan dalam apa-apa keadaan tidak lewat daripada 2 bulan selepas berakhir setiap suku tahun bagi sesuatu tahun kewangan sehingga notis lanjut daripada Bursa; dan
 - (c) mengumumkan pematuhannya atau ketidakpatuhannya terhadap obligasi tertentu yang dikenakan menurut Nota Amalan ini, apabila obligasi itu kena dilaksanakan.

6.0 Ogligasi untuk memastikan tahap operasi yang memuaskan

6.1 Kecuali ditetapkan selainnya oleh Bursa, penerbit tersenarai yang terkesan mesti mematuhi obligasi yang berikut dalam rangka masa yang diperuntukkan di bawah:-

- (a) penerbit tersenarai yang terkesan mesti dalam masa 9 bulan dari tarikh Pengumuman awal membuat pengumuman kepada Bursa tentang cadangan terperinci, yang pelaksanaannya akan membolehkan penerbit tersenarai yang terkesan untuk memastikan tahap operasi yang memuaskan untuk mewajarkan dagangan dan/atau penyenaraian berterusan di Senarai Rasmi. Pengumuman ini mesti memenuhi kehendak-kehendak yang dinyatakan dalam perenggan 6.3 (kemudian daripada ini disebut sebagai "Pengumuman Diperlukan");
- (b) penerbit tersenarai yang terkesan yang telah mengumumkan cadangan terperinci untuk memastikan tahap operasi yang memuaskan mesti mengemukakan cadangan itu kepada pihak berkuasa yang berkenaan untuk kelulusan dalam tempoh 2 bulan dari tarikh Pengumuman Diperlukan atau tarikh Pengumuman Awal (jika cadangan terperinci itu dibuat pada atau sebelum tarikh kuat kuasa Nota Amalan ini); dan
- (c) penerbit tersenarai yang terkesan yang telah mengemukakan cadangan terperinci kepada pihak berkuasa yang berkenaan, mengikut subperenggan (b) di atas, mesti mendapatkan semua kelulusan yang perlu bagi pelaksanaan cadangan terperinci itu dalam tempoh 4 bulan dari tarikh pengemukakan cadangan terperinci itu untuk kelulusan.

6.2 Bursa mempunyai budi bicara untuk melanjutkan rangka masa yang diberikan kepada penerbit tersenarai yang terkesan menurut perenggan 6.1 di atas, atas permintaannya, sekiranya hal keadaan mewajarkannya.

6.3 Berkenaan dengan Pengumuman Diperlukan, penerbit tersenarai yang terkesan mesti memastikan bahawa ia dibuat oleh saudagar bank atau Syarikat Anggota yang diluluskan oleh Suruhanjaya untuk bertindak sebagai penasihat mengikut cara yang sama sebagaimana penasihat di bawah Polisi dan Garis Panduan Suruhanjaya tentang Terbitan/Tawaran Sekuriti dan termasuk jadual masa untuk menyiapkan cadangan itu. Sebelum membuat Pengumuman Diperlukan, penerbit tersenarai mesti memastikan bahawa semua perjanjian yang akan dibuat dengan pihak ketiga sebagai sebahagian daripada cadangan itu telah ditandatangani dengan sewajarnya oleh semua pihak kepada perjanjian itu.

7.0 Penggantungan dan pembatalan penyenaian

7.1 Sekiranya penerbit tersenarai yang terkesan gagal untuk mematuhi mana-mana obligasi yang dikenakan terhadapnya oleh Bursa menurut Nota Amalan ini, Bursa boleh menggantung dagangan penerbit tersenarai yang terkesan dan seterusnya membatalkan penyenaian penerbit tersenarai yang terkesan.

8.0 Tarikh Kuat Kuasa

8.1 Nota Amalan ini berkuat kuasa mulai 1 Julai 2001.”

[Lampiran Tamat]

LAMPIRAN PN29-C**Rangka Kerja PN16 Asal**

(perenggan 1.2(c), 3.1 dan 3.2)

[Pengeluaran Semula Perenggan 8.14B]**“8.14B Syarikat Tunai**

- (1) Penerbit tersenarai yang dianggap “Syarikat Tunai” oleh Bursa mesti mematuhi apa-apa kehendak yang ditetapkan oleh Bursa, yang kegagalan untuk berbuat demikian boleh menyebabkan Bursa membatalkan penyenaraian penerbit tersenarai itu.
- (2) Penerbit tersenarai yang asetnya secara disatukan, terdiri daripada 70% atau lebih tunai atau pelaburan jangka pendek, atau gabungan kedua-duanya, mesti dengan serta-merta memberitahu Bursa tentangnya secara bertulis (disebut sebagai “Kriteria Tunai” dalam Bahagian E ini). Bursa akan membuat penentuan sama ada penerbit tersenarai itu patut dianggap Syarikat Tunai menurut subperenggan (1) di atas. Penerbit tersenarai yang dianggap Syarikat Tunai oleh Bursa akan diberitahu oleh Bursa (disebut sebagai “Notis” dalam Bahagian E ini).
- (3) Bagi maksud subperenggan (2) di atas, yang berikut hendaklah terpakai:-
 - (a) penerbit tersenarai mesti, sebagai kehendak minimum, membuat penentuan sama ada ia mencetuskan Kriteria Tunai apabila ia melupakan asetnya atau perniagaannya secara berkumpulan atau menyediakan penyata kewangannya atau akaunnya; dan
 - (b) “pelaburan jangka pendek” ertinya pelaburan yang sifatnya sedia boleh direalisasikan dan dihasratkan untuk dipegang bagi tempoh 12 bulan atau kurang termasuk kepentingan (ekuiti atau selainnya) dalam syarikat.
- (4) Syarikat Tunai mesti mematuhi kehendak tambahan yang berikut:-
 - (a) menjadikan teratur keadaannya mengikut cara yang berikut:-
 - (i) mengemukakan cadangan untuk menjadikan teratur keadaannya kepada pihak berkuasa yang berkenaan untuk kelulusan atau, jika kelulusan pihak berkuasa yang berkenaan tidak dikehendaki, mendapatkan semua kelulusan lain yang perlu bagi pelaksanaan cadangan itu dalam apa-apa rangka masa yang diperuntukkan oleh Bursa; dan
 - (ii) melaksanakan cadangannya untuk menjadikan teratur keadaannya dalam rangka masa yang diperuntukkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan atau jika tiada rangka masa yang diperuntukkan atau dibenarkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan, dalam rangka masa yang diperuntukkan oleh Bursa;
 - (b) mengemukakan apa-apa maklumat yang ditetapkan oleh Bursa dari semasa ke semasa untuk siaran awam; dan
 - (c) melakukan apa-apa tindakan atau perkara lain yang dikehendaki oleh Bursa.
- (5) Bagi maksud subperenggan (4)(a) di atas, “cadangan untuk menjadikan teratur keadaannya” merujuk kepada cadangan, yang pelaksanaannya akan mengakibatkan Syarikat Tunai itu no tidak lagi dianggap Syarikat Tunai oleh Bursa (disebut sebagai “Cadangan” dalam Bahagian E ini).

- (6) Syarikat Tunai yang gagal untuk mematuhi subperenggan (4)(a) di atas atau yang Cadangannya ditolak oleh pihak berkuasa yang berkenaan, boleh menyebabkan sekuriti tersenarainya digantung dan seterusnya tatacara pembatalan penyenaian dimulakan terhadap Syarikat Tunai itu.
- (7) Subperenggan (1) dan (2) di atas tidak terpakai bagi penerbit tersenarai yang aktiviti mereka dikawal selia mengikut undang-undang bertulis yang berhubungan dengan perbankan, syarikat kewangan atau insurans dan tertakluk kepada pengawasan Bank Negara Malaysia, Organisasi Peserta, dana tertutup, amanah pelaburan hartanah, syarikat projek infrastruktur yang belum menyiapkan projek infrastruktur mereka dan apa-apa kategori penerbit tersenarai lain yang ditetapkan oleh Bursa. Bagi maksud subperenggan ini, "projek infrastruktur" adalah sebagaimana ditakrifkan dalam Polisi dan Garis Panduan Suruhanjaya tentang Terbitan/Tawaran Sekuriti."

[Pengeluaran semula Nota Amalan Bil. 16/2005]

BURSA MALAYSIA SECURITIES BERHAD

NOTA AMALAN BIL. 16/2005

SYARIKAT TUNAI

Dikeluarkan berhubung dengan perenggan 8.14B, 16.02 dan 16.09 Kehendak-Kehendak Penyenaraian;

Dan

Menurut perenggan 2.08 dan 2.19 Kehendak-Kehendak Penyenaraian.

1.0 Pengenalan

- 1.1 Perenggan 8.14B(1) Kehendak-Kehendak Penyenaraian menyatakan bahawa penerbit tersenarai yang dianggap sebagai Syarikat Tunai mesti mematuhi kehendak-kehendak yang ditetapkan oleh Bursa.
- 1.2 Berkaitan dengan ini, Nota Amalan ini menyatakan kehendak-kehendak yang mesti dipatuhi oleh Syarikat Tunai.
- 1.3 Tiada apa-apa jua dalam Nota Amalan ini boleh dibaca sebagai mengehendak keluasan perenggan 8.14B Kehendak-Kehendak Penyenaraian.
- 1.4 Peruntukan Nota Amalan ini adalah perincian dan tidak mengurangkan obligasi penerbit tersenarai sebagaimana yang terkandung dalam Kehendak-Kehendak Penyenaraian.

2.0 Penzahiran obligasi Syarikat Tunai

- 2.1 Syarikat Tunai mesti mematuhi kehendak pendedahan yang berikut. Syarikat Tunai mesti: -
 - (a) dalam tempoh 7 hari pasaran dari Notis (sebagaimana yang ditakrifkan dalam perenggan 8.14B(2)) mengumumkan yang berikut kepada Bursa (kemudian daripada ini disebut sebagai "Pengumuman Awal");-
 - (i) bahawa penerbit tersenarai ialah Syarikat Tunai;
 - (ii) obligasi Syarikat Tunai menurut Nota Amalan ini;
 - (iii) kesan ketidakpatuhan obligasi di atas; dan
 - (iv) status cadangan Syarikat Tunai untuk mematuhi obligasi yang dinyatakan dalam perenggan 8.14B(4)(a) Kehendak-Kehendak Penyenaraian, atau status usaha/langkahnya untuk menggubal cadangan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, atau jika tiada cadangan atau apa-apa usaha untuk menggubal cadangan itu dilaksanakan, suatu pernyataan negatif yang bersesuaian yang bermaksud sedemikian;

- (b) mengumumkan status cadangannya yang disebut dalam subperenggan (a)(iv) di atas dan bilangan bulan hingga berakhir rangka masa yang berkenaan yang disebut dalam perenggan 3.1 atau 3.2 di bawah, mengikut yang berkenaan, serentak dengan pengumuman laporan suku tahunannya menurut perenggan 9.22 Kehendak-Kehendak Penyenaraian dan dalam apa-apa keadaan tidak lewat daripada 2 bulan selepas berakhir setiap suku tahun bagi sesuatu tahun kewangan sehingga notis selanjutnya daripada Bursa; dan
- (c) mengumumkan pematuhan atau ketidakpatuhannya terhadap obligasi tertentu yang dikenakan menurut Nota Amalan ini secara serta-merta.

3.0 Obligasi untuk Menjadikan Teratur

- 3.1 Syarikat Tunai mesti mengemukakan Cadangan, sebagaimana yang ditakrifkan dalam perenggan 8.14B(5) Kehendak-Kehendak Penyenaraian, kepada pihak berkuasa yang berkenaan untuk kelulusan, atau jika kelulusan pihak berkuasa yang berkenaan tidak dikehendaki, mendapatkan semua kelulusan lain yang perlu bagi pelaksanaan Cadangan dalam tempoh 12 bulan dari tarikh Pengumuman Awal.
- 3.2 Syarikat Tunai juga mesti melaksanakan Cadangan dalam rangka masa yang ditetapkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan atau jika tiada rangka masa ditetapkan atau dibenarkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan, dalam rangka masa yang ditetapkan oleh Bursa.

4.0 Tarikh Kuat Kuasa

- 4.1 Nota Amalan ini berkuat kuasa pada 3 Januari 2005.”

[Lampiran Tamat]

LAMPIRAN PN29-D**Rangka Kerja PN17 Asal**

(perenggan 1.2(d), 3.1 dan 3.2)

[Pengeluaran semula Perenggan 8.14C]**“8.14C Keadaan kewangan dan tahap operasi**

- (1) Keadaan kewangan dan tahap operasi penerbit tersenarai secara disatukan mesti, pada pendapat Bursa, mewajarkan dagangan dan/atau penyenaian berterusan di Senarai Rasmi, yang jika gagal Bursa boleh membatalkan penyenaian penerbit tersenarai itu.
- (2) Bursa boleh menetapkan kriteria tertentu berhubung dengan syarat kewangan dan tahap operasi penerbit tersenarai (disebut sebagai "Kriteria Ditetapkan" dalam Bahagian E ini), yang pematuhan satu atau lebih kriteria itu menghendaki penerbit tersenarai (disebut sebagai "Penerbit Tersenarai yang Terjejas" dalam Bahagian E ini) untuk mematuhi kehendak-kehendak tambahan yang berikut:-
 - (a) menjadikan teratur keadaannya mengikut cara yang berikut (disebut sebagai "Obligasi untuk Menjadikan Teratur" dalam Bahagian E ini):-
 - (i) mengemukakan pelan bagi menjadikan teratur keadaannya kepada pihak berkuasa yang berkenaan untuk kelulusan atau, jika kelulusan pihak berkuasa yang berkenaan tidak dikehendaki, mendapatkan semua kelulusan lain yang perlu bagi pelaksanaan pelan itu dalam apa-apa rangka masa yang ditetapkan oleh Bursa (disebut sebagai "Rangka Masa Pengemukakan" dalam Bahagian E ini); dan
 - (ii) melaksanakan pelannya untuk menjadikan teratur keadaannya dalam rangka masa yang ditetapkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan atau jika tiada rangka masa ditetapkan atau dibenarkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan, dalam rangka masa yang ditetapkan oleh Bursa (disebut sebagai "Rangka Masa Pelaksanaan" dalam Bahagian E ini),

(Rangka Masa Pengemukakan dan Rangka Masa Pelaksanaan hendaklah disebut secara kolektif sebagai "Rangka Masa Ditetapkan" dalam Bahagian E ini);
 - (b) memberikan apa-apa maklumat yang ditetapkan oleh Bursa dari semasa ke semasa untuk siaran awam; dan
 - (c) melakukan apa-apa tindakan atau perkara lain yang dikehendaki oleh Bursa.
- (3) Bagi maksud subperenggan (2)(a) di atas, "pelan untuk menjadikan teratur keadaannya" merujuk kepada pelan, yang pelaksanaannya akan menyebabkan Penerbit Tersenarai yang Terjejas tidak lagi mencetuskan mana-mana Kriteria Ditetapkan (disebut sebagai "Pelan Menjadikan Teratur" dalam Bahagian E ini).
- (4) Penerbit Tersenarai yang Terjejas yang gagal untuk mematuhi Obligasi untuk Menjadikan Teratur hendaklah menggantung semua sekuriti tersenarainya daripada dagangan pada hari pasaran ke-5 selepas tamat Rangka Masa Pengemukakan atau Rangka Masa Pelaksanaan, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan tatacara pembatalan penyenaian hendaklah dimulakan terhadap Penerbit Tersenarai yang Terjejas.

-
- (5) Jika Penerbit Tersenarai yang Terjejas telah mengemukakan Pelan Menjadikan Teraturnya kepada pihak berkuasa yang berkenaan untuk kelulusan sebelum tamat Rangka Masa Pengemukaan tetapi Pelan Menjadikan Teraturnya ditolak oleh pihak berkuasa yang berkenaan, yang berikut hendaklah terpakai:-
- (a) sekiranya penolakan berlaku selepas tamat Rangka Masa Pengemukaan, Penerbit Tersenarai yang Terjejas hendaklah menggantung semua sekuriti tersenarainya daripada dagangan pada hari pasaran ke-5 selepas pengumuman Penerbit Tersenarai yang Terjejas mengenai tatacara penolakan dan pembatalan penyenaian pihak berkuasa yang berkenaan hendaklah dimulakan terhadap Penerbit Tersenarai yang Terjejas; atau
 - (b) sekiranya penolakan berlaku selepas tamat Rangka Masa Pengemukaan, Penerbit Tersenarai yang Terjejas hendaklah menggantung semua sekuriti tersenarainya daripada dagangan pada hari pasaran ke-5 selepas tamat Rangka Masa Pengemukaan dan tatacara pembatalan penyenaian hendaklah dimulakan terhadap Penerbit Tersenarai yang Terjejas melainkan jika sama ada:
 - (i) Penerbit Tersenarai yang Terjejas mengemukakan Pelan Menjadikan Teratur baharu atau yang telah disemak semula kepada pihak berkuasa yang berkenaan untuk kelulusan dalam tempoh Rangka Masa Pengemukaan; atau
 - (ii) Penerbit Tersenarai yang Terjejas merayu terhadap penolakan pihak berkuasa yang berkenaan dan rayuan itu belum selesai selepas tamat Rangka Masa Pengemukaan.
- (6) Dalam hal Penerbit Tersenarai yang Terjejas yang termasuk dalam hal keadaan yang diperihalkan di bawah subperenggan (5)(b)(ii) di atas dan rayuan yang difailkan oleh Penerbit Tersenarai yang Terjejas dengan pihak berkuasa yang berkenaan tidak berjaya, Penerbit Tersenarai yang Terjejas hendaklah menggantung semua sekuriti tersenarainya daripada dagangan pada hari pasaran ke-5 setelah pengumuman Penerbit Tersenarai yang Terjejas mengenai tatacara penolakan rayuan dan pembatalan penyenaian pihak berkuasa yang berkenaan hendaklah dimulakan terhadap Penerbit Tersenarai yang Terjejas itu.”

[Pengeluaran semula Nota Amalan Bil 17/2005]

BURSA MALAYSIA SECURITIES BERHAD

NOTA AMALAN BIL. 17/2005

KRITERIA DAN OBLIGASI MENURUT PERENGGAN 8.14C KEHENDAK-KEHENDAK PENYENARAIAAN

Dikeluarkan berhubung dengan perenggan 8.14C, 16.02 dan 16.09 Kehendak-Kehendak Penyenaiaan;

Dan

Menurut perenggan 2.08 dan 2.19 Kehendak-Kehendak Penyenaiaan.

1.0 Pengenalan

1.1 Nota Amalan ini menyatakan, antara lain, yang berikut:-

- (a) kriteria berhubung dengan keadaan kewangan dan tahap operasi penerbit tersenarai, yang pematuhan satu atau lebih daripada kriteria itu akan menghendaki penerbit tersenarai itu mematuhi peruntukan Nota Amalan ini (penerbit tersenarai yang memenuhi satu atau lebih daripada kriteria di atas kemudian daripada ini disebut sebagai "Penerbit Tersenarai yang Terjejas"); dan
- (b) kehendak-kehendak yang mesti dipatuhi oleh Penerbit Tersenarai yang Terjejas.

1.2 Tiada apa-apa dalam Nota Amalan ini boleh dibaca sebagai mengehendak keluasan perenggan 8.14C Kehendak-Kehendak Penyenaiaan.

1.3 Peruntukan Nota Amalan ini adalah perincian dan tidak mengurangkan obligasi penerbit tersenarai sebagaimana yang terkandung dalam Kehendak-Kehendak Penyenaiaan.

2.0 Kriteria

2.1 Menurut perenggan 8.14C(2) Kehendak-Kehendak Penyenaiaan, Bursa menetapkan kriteria yang berikut, yang pematuhan satu atau lebih kriteria itu akan menghendaki Penerbit Tersenarai yang Terjejas itu mematuhi peruntukan Nota Amalan ini :-

- (a) defisit dalam ekuiti pemegang syer terlaras penerbit tersenarai secara disatukan;
- (b) penerima dan/atau pengurus telah dilantik terhadap harta penerbit tersenarai, atau terhadap harta subsidiari utamanya atau syarikat bersekutu utama yang harta itu menyumbang sekurang-kurangnya 70% daripada jumlah aset yang digunakan oleh penerbit tersenarai secara disatukan;
- (c) juruaudit telah menyatakan pendapat bertentangan atau penafian berkenaan dengan usaha berterusan penerbit tersenarai, dalam akaun teraudit terkininya;

- (d) penerbit tersenarai telah menggantung atau menghentikan:-
- (i) semua perniagaannya atau perniagaan utamanya; atau
 - (ii) keseluruhan operasinya atau operasi utamanya,
- bagi apa jua alasan termasuk, antara lain, disebabkan oleh atau akibat daripada:-
- (aa) pembatalan, kehilangan atau tiada pembaharuan lesen, konsesi atau apa-apa hak lain yang perlu untuk menjalankan aktiviti perniagaannya;
 - (bb) pelupusan perniagaan atau perniagaan utama penerbit tersenarai; atau
 - (cc) perintah mahkamah atau penghakiman yang diperoleh terhadap penerbit tersenarai yang melarang penerbit tersenarai daripada menjalankan operasi utamanya atas alasan pelanggaran hak cipta produk dsb; atau
- (e) penerbit tersenarai mempunyai perniagaan atau operasi yang tidak signifikan.

2.2 For the purposes of this Practice Note:-

- (a) "ekuiti pemegang syer terlaras" ditakrifkan sebagai baki kepentingan dalam aset penerbit tersenarai secara disatukan setelah ditolak semua liabilitinya, berdasarkan akaun teraudit atau tidak diaudit terkini penerbit tersenarai. Komponen ekuiti pemegang syer terlaras termasuk yang berikut:
- (i) modal syer;
 - (ii) akaun premium syer;
 - (iii) rizab penebusan modal;
 - (iv) rizab penilaian semula;
 - (v) rizab terjemahan;
 - (vi) keuntungan dipegang/kerugian terkumpul; dan
 - (vii) rizab lain dan/atau komponen lain sebagaimana yang ditentukan oleh Bursa.

Bagi maksud takrif ini, syer keutamaan boleh tebus dan muhibah negatif atau rizab penyatuan hendaklah dikecualikan daripada penentuan ekuiti pemegang syer terlaras. Sebagai tambahan, dalam menentukan komponen "rizab lain dan/atau apa-apa komponen lain", jika tidak ada apa-apa peruntukan dalam piawaian perakaunan yang diluluskan dan/atau Akta Syarikat 1965, Bursa akan mempertimbangkan pemakaian prinsip perakaunan yang diterima umum dan amalan semasa terbaik dan perlakuan Bursa terhadap komponen ini hendaklah mengatasi;

- (b) "jumlah aset yang digunakan" hendaklah berdasarkan akaun teraudit atau tidak diaudit terkini penerbit tersenarai;
- (c) "subsidiari utama" ertinya anak syarikat yang menyumbang 70% atau lebih daripada keuntungan sebelum cukai atau jumlah aset yang digunakan penerbit tersenarai secara disatukan.

- (d) berhubung dengan perenggan 2.1(d), "utama" ertinya apa-apa bahagian yang menyumbang atau menjana 70% atau lebih hasil penerbit tersenarai secara disatukan berdasarkan akaun teraudit atau tidak teraudit tahunannya terkini; dan
- (e) "perniagaan atau operasi tidak signifikan" ertinya perniagaan atau operasi yang menjana hasil secara disatukan yang mewakili 5% atau kurang daripada modal terbitan dan berbayar (tidak termasuk apa-apa syer keutamaan boleh tebus) penerbit tersenarai (kemudian daripada ini disebut sebagai "Modal") berdasarkan akaun teraudit atau tidak teraudit tahunannya terkini.

Bagi maksud pengiraan, yang berikut hendaklah terpakai:-

- (i) "hasil secara disatukan" hendaklah terdiri daripada hasil penerbit tersenarai, subsidiarinya, dan juga hasil daripada syarikat bersekutu penerbit tersenarai, yang dikira mengikut kadar, berdasarkan pegangan ekuiti penerbit tersenarai dalam syarikat bersekutu itu; dan
- (ii) jika terdapat perubahan pada Modal dalam tahun kewangan itu, Modal purata berwajaran bagi tahun kewangan itu hendaklah digunakan. Modal purata berwajaran ertinya jumlah amaun Modal pada awal tahun kewangan, diselaraskan dengan amaun kenaikan atau pengurangan Modal semasa tahun kewangan itu yang digandakan dengan faktor wajaran masa. Faktor wajaran masa ialah bilangan hari yang Modal tertentu masih belum dibayar sebagai sebahagian daripada jumlah bilangan hari dalam tahun kewangan itu.

Contoh – Purata Berwajaran Modal bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2xx1

		Modal Terbitan dan Berbayar (RM)
1 Januari 2xx1	Baki	60,000,000
1 Jun 2xx1	Terbitan 10,000,000 syer baharu secara tunai	70,000,000
1 Dis 2xx1	Terbitan 12,000,000 syer baharu secara tunai	82,000,000

Pengiraan purata berwajaran:

$$(60,000,000 \times 151/365) + (70,000,000 \times 183/365) + (82,000,000 \times 31/365) = 66,882,185$$

- 2.3 Perenggan 2.1 (e) tidak terpakai bagi dana tertutup, pelaburan amanah hartanah dan syarikat projek infrastruktur yang belum menyiapkan dan memulakan operasi projek infrastruktur mereka. Bagi maksud perenggan ini, "projek infrastruktur" hendaklah sebagaimana yang ditakrifkan dalam Polisi dan Garis Panduan Suruhanjaya tentang Terbitan/Tawaran Sekuriti.

3.0 Obligasi penzahiran Penerbit Tersenarai yang Terjejas

- 3.1 Menurut perenggan 8.14C(2)(b) Kehendak-Kehendak Penyenaaran, Penerbit Tersenarai yang Terjejas mesti mematuhi kehendak penzahiran yang berikut:-

-
- (a) dalam tempoh 7 hari pasaran dari tarikh penerbit tersenarai memenuhi satu atau lebih kriteria yang ditetapkan menurut perenggan 8.14C(2) Kehendak-Kehendak Penyenaraian, mengumumkan yang berikut ("Pengumuman Pertama"):-
- (i) penerbit tersenarai ialah Penerbit Tersenarai yang Terjejas menurut Nota Amalan ini;
 - (ii) obligasi penerbit tersenarai menurut Nota Amalan ini;
 - (iii) kesan ketidakpatuhan obligasi tersebut; dan
 - (iv) status pelan penerbit tersenarai untuk mematuhi Obligasi untuk Menjadikan Teratur (sebagaimana yang ditakrifkan dalam perenggan 8.14C(2)(a) Kehendak-Kehendak Penyenaraian) atau status usahanya untuk menggubal pelan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, atau jika tiada pelan atau usaha untuk menggubal pelan itu dilaksanakan, suatu pernyataan negatif yang bersesuaian yang bermaksud sedemikian;
- (b) mengumumkan status pelannya sebagaimana disebut dalam perenggan (a)(iv) di atas dan bilangan bulan hingga berakhir rangka masa yang berkenaan yang disebut dalam perenggan 4.1 atau 4.2 di bawah, mengikut mana-mana yang berkenaan, secara bulanan (kemudian daripada ini disebut sebagai "Pengumuman Bulanan") hingga notis lanjut daripada Bursa; dan
- (c) mengumumkan pematuhan atau ketidakpatuhannya kepada obligasi tertentu yang dikenakan menurut Nota Amalan ini secara serta-merta.
- 3.2 Pengumuman Bulanan mesti dibuat pada hari pasaran pertama setiap bulan bermula dengan bulan selepas tarikh Pengumuman Pertama.
- 4.0 Obligasi untuk Menjadikan Teratur**
- 4.1 Penerbit Tersenarai yang Terjejas mesti mengemukakan Pelan Menjadikan Teratur sebagaimana yang ditakrifkan dalam perenggan 8.14C(3) Kehendak-Kehendak Penyenaraian kepada pihak berkuasa yang berkenaan untuk kelulusan atau, jika kelulusan pihak berkuasa yang berkenaan tidak dikehendaki, mendapatkan semua kelulusan lain yang perlu bagi pelaksanaan Pelan Menjadikan Teratur dalam tempoh 8 bulan dari tarikh Pengumuman Pertama (iaitu Rangka Masa Pengemukaan).
- 4.2 Penerbit Tersenarai yang Terjejas mesti melaksanakan Pelan Menjadikan Teratur dalam rangka masa yang ditetapkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan atau jika tiada rangka masa ditetapkan atau dibenarkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan, dalam rangka masa yang ditetapkan oleh Bursa (iaitu Rangka Masa Pelaksanaan).
- 5.0 Tarikh Kuat Kuasa**
- 5.1 Nota Amalan ini berkuat kuasa pada 3 Januari 2005.

[Lampiran Tamat]

LAMPIRAN PN29-E**Rangka Kerja PN16 Pindaan**

(perenggan 1.2(e), 4.1, 4.2 dan 4.3)

[Pengeluaran semula Perenggan 8.14B]**“8.14B Syarikat Tunai**

- (1) Penerbit tersenarai yang dianggap sebagai "Syarikat Tunai" oleh Bursa mesti mematuhi kehendak-kehendak yang ditetapkan oleh Bursa, yang jika gagal Bursa boleh membatalkan penyenaraian penerbit tersenarai itu.
- (2) Penerbit tersenarai yang asetnya secara disatukan, terdiri daripada 70% atau lebih tunai atau pelaburan jangka pendek, atau gabungan kedua-duanya, mesti dengan serta-merta memberitahu Bursa tentangnya secara bertulis (disebut sebagai "Kriteria Tunai" dalam Bahagian E ini). Bursa akan membuat penentuan sama ada penerbit tersenarai itu patut dianggap sebagai Syarikat Tunai menurut subperenggan (1) di atas. Penerbit tersenarai yang dianggap sebagai Syarikat Tunai oleh Bursa akan diberitahu oleh Bursa (disebut sebagai "Notis" dalam Bahagian E ini).
- (3) Bagi maksud subperenggan (2) di atas, yang berikut hendaklah terpakai:-
 - (a) penerbit tersenarai mesti, sebagai kehendak minimum, membuat penentuan sama ada ia mencetuskan Kriteria Tunai apabila ia melupuskan aset atau perniagaannya secara kumpulan atau menyediakan penyata kewangan atau akaunnya; dan
 - (b) "pelaburan jangka pendek" ertinya pelaburan yang sifatnya sedia boleh direalisasikan dan dihasratkan untuk dipegang selama 12 bulan atau kurang termasuk kepentingan (ekuiti atau selainnya) dalam syarikat.
- (4) Syarikat Tunai mesti mematuhi kehendak tambahan yang berikut:-
 - (a) menjadikan teratur keadaannya mengikut cara yang berikut:-
 - (i) mengemukakan cadangan untuk menjadikan teratur keadaannya kepada Suruhanjaya, dan pihak berkuasa lain yang berkenaan, untuk kelulusan (secara kolektif disebut sebagai "Pihak Berkuasa Melulus" dalam Bahagian E ini) dalam apa-apa rangka masa sebagaimana yang ditetapkan oleh Bursa; dan
 - (ii) melaksanakan cadangan untuk menjadikan teratur keadaannya dalam rangka masa yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melulus yang berkenaan;
 - (b) mengemukakan apa-apa maklumat yang ditetapkan oleh Bursa dari semasa ke semasa untuk siaran awam; dan
 - (c) melakukan tindakan atau perkara lain yang dikehendaki oleh Bursa.
- (5) Bagi maksud subperenggan (4)(a) di atas, "cadangan untuk menjadikan teratur keadaannya" merujuk kepada cadangan yang substantif dan termasuk dalam lingkungan seksyen 212 CMSA (disebut sebagai "Cadangan" dalam Bahagian E ini).
- (6) Syarikat Tunai yang gagal untuk mematuhi subperenggan (4)(a) di atas atau yang Cadangannya ditolak oleh Pihak Berkuasa Melulus, boleh menggantung sekuriti

tersenarainya dan seterusnya tatacara pembatalan penyenaian dimulakan terhadap Syarikat Tunai.

- (7) Subperenggan (1) dan (2) di atas tidak terpakai bagi penerbit tersenarai yang aktivitiya dikawal selia mengikut undang-undang bertulis yang berhubungan dengan perbankan, syarikat kewangan atau insurans dan tertakluk kepada pengawasan oleh Bank Negara Malaysia, Organisasi Peserta, dana tertutup, pelaburan amanah hartanah, dana dagangan bursa, syarikat projek infrastruktur yang belum menyiapkan projek infrastrukturnya dan apa-apa kategori penerbit tersenarai lain yang ditetapkan oleh Bursa. Bagi maksud subperenggan ini, "projek infrastruktur" adalah sebagaimana yang ditakrifkan dalam Garis Panduan Suruhanjaya tentang Tawaran Ekuiti dan Sekuriti Terbitan Ekuiti.
- (8) Jika Syarikat Tunai telah menyelesaikan pelaksanaan Cadangannya, ia mesti mengemukakan permohonan kepada Bursa berserta dengan semua bukti dokumen yang perlu untuk menunjukkan bahawa ia bukan lagi Syarikat Tunai."

[Pengeluaran semula Nota Amalan Bil. 16/2005]

“BURSA MALAYSIA SECURITIES BERHAD

NOTA AMALAN BIL. 16/2005

SYARIKAT TUNAI

**Dikeluarkan berhubung dengan perenggan 8.14B, 16.02 dan 16.09 Kehendak-Kehendak
Penyenaraian;**

Dan

Menurut perenggan 2.08 dan 2.19 Kehendak-Kehendak Penyenaraian.

1.0 Pengenalan

- 1.1 Perenggan 8.14B(1) Kehendak-Kehendak Penyenaraian menyatakan bahawa penerbit tersenarai yang dianggap sebagai Syarikat Tunai mesti mematuhi apa-apa kehendak yang ditetapkan oleh Bursa.
- 1.2 Berkaitan dengan ini, Nota Amalan ini menyatakan kehendak-kehendak yang mesti dipatuhi oleh Syarikat Tunai.
- 1.3 Tiada apa-apa dalam Nota Amalan ini yang boleh dibaca sebagai mengehendak keluasan perenggan 8.14B Kehendak-Kehendak Penyenaraian.
- 1.4 Peruntukan Nota Amalan ini adalah perincian dan tidak mengurangkan obligasi penerbit tersenarai sebagaimana yang terkandung dalam Kehendak-Kehendak Penyenaraian.

2.0 Obligasi penzahiran Syarikat Tunai

- 2.1 Syarikat Tunai mesti mematuhi kehendak penzahiran yang berikut. Syarikat Tunai mesti:-
 - (a) dengan serta-merta apabila menerima Notis (sebagaimana yang ditakrifkan dalam perenggan 8.14B(2)) mengumumkan yang berikut kepada Bursa (kemudian daripada ini disebut sebagai "Pengumuman Awal"):-
 - (i) bahawa penerbit tersenarai ialah Syarikat Tunai;
 - (ii) obligasi Syarikat Tunai menurut Nota Amalan ini;
 - (iii) kesan ketidakpatuhan obligasi yang dinyatakan di atas; dan
 - (iv) status cadangan Syarikat Tunai untuk mematuhi obligasi yang dinyatakan dalam perenggan 8.14B(4)(a) Kehendak-Kehendak Penyenaraian, atau status usaha/langkahnya untuk menggubal cadangan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, atau jika tiada cadangan atau apa-apa usaha untuk menggubal cadangan itu dilaksanakan, suatu pernyataan negatif yang bersesuaian yang bermaksud sedemikian;
 - (b) mengumumkan status cadangan yang disebut dalam subperenggan (a)(iv) di atas dan bilangan bulan hingga berakhir rangka masa yang berkenaan yang disebut

dalam perenggan 3.1 atau 3.2 di bawah, sebagaimana yang berkenaan, serentak dengan pengumuman laporan suku tahunannya menurut perenggan 9.22 Kehendak-Kehendak Penyenaraian dan dalam apa-apa keadaan tidak lewat daripada 2 bulan selepas berakhir setiap suku tahun bagi sesuatu tahun kewangan sehingga notis lanjut daripada Bursa;

- (c) mengumumkan pematuhan atau ketidapatuhannya terhadap obligasi tertentu yang dikenakan menurut Nota Amalan ini secara serta-merta; dan
- (d) mengumumkan perincian Cadangan yang disebut dalam perenggan 8.14B(5) Kehendak-Kehendak Penyenaraian yang pengumuman itu mesti memenuhi kehendak-kehendak yang dinyatakan dalam perenggan 2.2 di bawah (kemudian daripada ini disebut sebagai "Pengumuman Diperlukan").

2.2 Pengumuman Diperlukan mesti memenuhi syarat yang berikut:-

- (a) pengumuman mesti mengandungi perincian Cadangan dan garis masa untuk menyiapkan pelaksanaan Cadangan itu; dan
- (b) ia mesti diumumkan oleh penasihat kewangan korporat yang boleh bertindak sebagai penasihat utama di bawah Garis Panduan Suruhanjaya tentang Penasihat Utama bagi Cadangan Korporat.

2.3 Syarikat Tunai mesti memastikan bahawa sebelum membuat Pengumuman Diperlukan, semua perjanjian yang dibuat dengan pihak ketiga sebagai sebahagian daripada Cadangan itu, telah ditandatangani dengan sewajarnya oleh semua pihak kepada perjanjian itu.

3.0 Obligasi untuk Menjadikan Teratur

3.1 Syarikat tunai mesti mengemukakan Cadangan, sebagaimana yang disebut dalam perenggan 8.14B(5) Kehendak-Kehendak Penyenaraian, kepada Pihak Berkuasa Melulus yang berkenaan sebagaimana yang disebut dalam perenggan 8.14B(4)(a)(i) Kehendak-Kehendak Penyenaraian untuk kelulusan dalam masa 12 bulan dari tarikh Pengumuman Awal.

3.2 Syarikat Tunai juga mesti melaksanakan Cadangan dalam rangka masa yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melulus yang berkenaan.

4.0 Tarikh Kuat Kuasa

4.1 Nota Amalan ini berkuat kuasa pada 3 Januari 2005.

[Lampiran Tamat]

LAMPIRAN PN29-F

Rangka Kerja PN17 Pindaan

(perenggan 1.2(f), 4.1, 4.2 dan 4.3)

[Pengeluaran Semula Perenggan 8.14C]

“8.14C Keadaan kewangan dan tahap operasi

- (1) Keadaan kewangan dan tahap operasi penerbit tersenarai secara disatukan mesti, pada pendapat Bursa, mewajarkan dagangan dan/atau penyenaiaan berterusan di Senarai Rasmi, yang jika gagal Bursa boleh membatalkan penyenaiaan penerbit tersenarai itu.
- (2) Bursa boleh menetapkan kriteria tertentu berhubung dengan keadaan kewangan dan tahap operasi penerbit tersenarai (disebut sebagai "Kriteria Ditetapkan" dalam Bahagian E ini), yang pematuhan satu atau lebih kriteria itu akan menghendaki penerbit tersenarai (disebut sebagai "Penerbit Tersenarai yang Terjejas" dalam Bahagian E ini) mematuhi kehendak-kehendak tambahan yang berikut:-
 - (a) menjadikan teratur keadaannya mengikut cara yang berikut (disebut sebagai "Obligasi untuk Menjadikan Teratur" dalam Bahagian E ini):-
 - (i) mengemukakan pelan untuk menjadikan teratur keadaannya kepada Suruhanjaya, dan pihak berkuasa lain yang berkenaan untuk kelulusan, (secara kolektif disebut sebagai "Pihak Berkuasa Melulus" dalam Bahagian E ini) dalam rangka masa yang ditetapkan oleh Bursa (disebut sebagai "Rangka Masa Pengemukaan" dalam Bahagian E ini); dan
 - (ii) melaksanakan pelan untuk menjadikan teratur keadaannya dalam rangka masa yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melulus yang berkenaan (disebut sebagai "Rangka Masa Pelaksanaan" dalam Bahagian E ini),

(Rangka Masa Pengemukaan dan Rangka Masa Pelaksanaan hendaklah disebut secara kolektif sebagai "Rangka Masa Ditetapkan" dalam Bahagian E ini);
 - (b) mengemukakan apa-apa maklumat yang ditetapkan oleh Bursa dari semasa ke semasa untuk siaran awam; dan
 - (c) melakukan apa-apa tindakan atau perkara lain yang dikehendaki oleh Bursa.
- (3) Bagi maksud subperenggan (2)(a) di atas, "pelan untuk menjadikan teratur keadaannya" merujuk kepada pelan yang substantif dan termasuk dalam lingkungan seksyen 212 CMSA (disebut sebagai "Pelan Menjadikan Teratur" dalam Bahagian E ini).
- (4) Penerbit Tersenarai yang Terjejas yang tidak mematuhi Obligasi untuk Menjadikan Teratur hendaklah menggantung semua sekuriti tersenarainya daripada dagangan pada hari pasaran ke-5 selepas tamat Rangka Masa Pengemukaan atau Rangka Masa Pelaksanaan, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan tatacara pembatalan penyenaiaan hendaklah dimulakan terhadap Penerbit Tersenarai yang Terjejas itu.
- (5) Jika Penerbit Tersenarai yang Terjejas telah mengemukakan Pelan Mrenjadikan Teraturnya kepada Pihak Berkuasa Melulus untuk kelulusan sebelum berakhir Rangka Masa Pengemukaan tetapi Pelan Menjadikan Teraturnya ditolak oleh Pihak Berkuasa Melulus, yang berikut hendaklah terpakai:-
 - (a) sekiranya penolakan berlaku selepas tamat Rangka Masa Pengemukaan, Penerbit Tersenarai yang Terjejas hendaklah menggantung semua sekuriti tersenarainya

daripada dagangan pada hari pasaran ke-5 selepas pengumuman Penerbit Tersenarai yang Terjejas mengenai penolakan Pihak Berkuasa Melulus dan tatacara pembatalan penyenaian hendaklah dimulakan terhadap Penerbit Tersenarai yang Terjejas; atau

- (b) sekiranya penolakan berlaku sebelum tamat Rangka Masa Pengemukaan, Penerbit Tersenarai yang Terjejas hendaklah menggantung semua sekuriti tersenarainya daripada dagangan pada hari pasaran ke-5 selepas tamat Rangka Masa Pengemukaan dan tatacara pembatalan penyenaian hendaklah dimulakan terhadap Penerbit Tersenarai yang Terjejas melainkan jika sama ada:-
 - (i) Penerbit Tersenarai yang Terjejas mengemukakan Pelan Menjadikan Teratur baharu atau yang disemak semula kepada Pihak Berkuasa Melulus untuk kelulusan dalam Rangka Masa Pengemukaan; atau
 - (ii) Penerbit Tersenarai yang Terjejas membuat rayuan terhadap penolakan Pihak Berkuasa Melulus dan rayuan tersebut belum selesai apabila tamat Rangka Masa Pengemukaan.
- (6) Dalam hal Penerbit Tersenarai yang Terjejas yang termasuk dalam hal keadaan yang diperihalkan dalam subperenggan (5)(b)(ii) di atas dan rayuan yang dibuat oleh Penerbit Tersenarai yang Terjejas kepada Pihak Berkuasa Melulus tidak berjaya, Penerbit Tersenarai yang Terjejas hendaklah menggantung semua sekuriti tersenarainya daripada dagangan pada hari pasaran ke-5 selepas pengumuman Penerbit Tersenarai yang Terjejas mengenai penolakan rayuan oleh Pihak Berkuasa Melulus dan tatacara pembatalan penyenaian hendaklah dimulakan terhadap Penerbit Tersenarai yang Terjejas itu.
- (7) Jika Penerbit Tersenarai yang Terjejas telah menyelesaikan pelaksanaan Pelan Menjadikan Teraturnya, ia mesti mengemukakan permohonan kepada Bursa berserta dengan semua bukti dokumen yang perlu untuk menunjukkan bahawa ia tidak lagi mencetuskan mana-mana Kriteria Ditetapkan.”

[Pengeluaran semula Nota Amalan Bil. 17/2005]

“BURSA MALAYSIA SECURITIES BERHAD

NOTA AMALAN BIL. 17/2005

KRITERIA DAN OBLIGASI MENURUT PERENGGAN 8.14C KEHENDAK-KEHENDAK PENYENARAIAAN

Dikeluarkan berhubung dengan perenggan 8.14C, 16.02 dan 16.09 Kehendak-Kehendak Penyenaraian;
Dan
Menurut perenggan 2.08 dan 2.19 Kehendak-Kehendak Penyenaraian.

1.0 Pengenalan

1.1 Nota Amalan ini menyatakan antara lain yang berikut:-

- (a) kriteria berhubung dengan keadaan kewangan dan tahap operasi penerbit tersenarai, yang pematuhan satu atau lebih kriteria itu akan menghendaki penerbit tersenarai mematuhi peruntukan Nota Amalan ini (penerbit tersenarai yang memenuhi satu atau lebih daripada kriteria di atas kemudian daripada ini disebut sebagai "Penerbit Tersenarai yang Terjejas"); dan
- (b) kehendak-kehendak yang mesti dipatuhi oleh Penerbit Tersenarai yang Terjejas.

1.2 Tiada apa-apa dalam Nota Amalan ini boleh dibaca sebagai mengehendak keluasan perenggan 8.14C Kehendak-Kehendak Penyenaraian.

1.3 Peruntukan Nota Amalan ini adalah perincian dan tidak mengurangkan obligasi penerbit tersenarai sebagaimana yang terkandung dalam Kehendak-Kehendak Penyenaraian.

2.0 Kriteria

2.1 Menurut perenggan 8.14C(2) Kehendak-Kehendak Penyenaraian, Bursa menetapkan kriteria yang berikut (kemudian daripada ini disebut sebagai "Kriteria Ditetapkan"), yang pematuhan satu atau lebih kriteria itu akan menghendaki penerbit tersenarai mematuhi peruntukan perenggan 8.14C dan Nota Amalan ini:-

- (a) ekuiti pemegang syer penerbit tersenarai secara disatukan adalah sama dengan atau kurang daripada 25% daripada modal terbitan dan berbayar penerbit tersenarai dan ekuiti pemegang syer itu kurang daripada modal terbitan dan berbayar minimum sebagaimana yang dikehendaki di bawah perenggan 8.16A(1) Kehendak-Kehendak Penyenaraian;
- (b) penerima dan/atau pengurus telah dilantik terhadap aset penerbit tersenarai, subsidiarinya atau syarikat bersekutunya yang asetnya menyumbang sekurang-kurangnya 50% daripada jumlah aset yang digunakan oleh penerbit tersenarai secara disatukan;
- (c) penggulungan subsidiari atau syarikat bersekutu penerbit tersenarai yang menyumbang sekurang-kurangnya 50% daripada jumlah aset yang digunakan oleh penerbit tersenarai secara disatukan;

- (d) juruaudit telah menyatakan pendapat buruk atau penafian dalam akaun teraudit terkini penerbit tersenarai;
- (e) juruaudit telah menyatakan pendapat yang diubah suai dengan penekanan pada usaha berterusan penerbit tersenarai dalam akaun teraudit terkini penerbit tersenarai dan ekuiti pemegang syer penerbit tersenarai secara disatukan adalah sama dengan atau kurang daripada 50% daripada modal terbitan dan berbayar penerbit tersenarai;
- (f) kemungkiran bayaran oleh penerbit tersenarai, subsidiari utamanya atau syarikat bersekutu utamanya, mengikut mana-mana yang berkenaan, sebagaimana yang diumumkan oleh penerbit tersenarai menurut Nota Amalan 1/2001 dan penerbit tersenarai tidak dapat memberikan akaun kesolvenan kepada Bursa.
- (g) penerbit tersenarai telah menggantung atau menghentikan:-
 - (i) semua perniagaannya atau perniagaan utamanya; atau
 - (ii) keseluruhan operasinya atau operasi utamanya,bagi apa jua alasan termasuk, antara lain, disebabkan oleh atau akibat daripada:-
 - (aa) pembatalan, kehilangan atau tiada pembaharuan lesen, konsesi atau apa-apa hak lain yang perlu untuk menjalankan aktiviti perniagaannya;
 - (bb) pelupusan perniagaan atau perniagaan utama penerbit tersenarai; atau
 - (cc) perintah atau penghakiman mahkamah yang diperoleh terhadap penerbit tersenarai yang melarang penerbit tersenarai daripada menjalankan operasi utamanya atas alasan pelanggaran hak cipta produk dsb; atau
- (h) penerbit tersenarai mempunyai perniagaan atau operasi yang tidak signifikan.

2.2 Bagi maksud Nota Amalan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:-

- (a) komponen "ekuiti pemegang syer" adalah sebagaimana yang ditetapkan di bawah piawaian perakaunan yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia;
- (b) "jumlah aset yang digunakan" hendaklah berdasarkan akaun teraudit atau tak teraudit terkini penerbit tersenarai;
- (c) in relation to paragraph 2.1(g), "major" means such proportion that contributes or enerates 70% or more of the listed issuer's revenue on a consolidated basis based on its latest annual audited or unaudited accounts ; and
- (d) "perniagaan atau operasi yang tidak signifikan" ertinya perniagaan atau operasi yang menjana hasil secara disatukan yang mewakili 5% atau kurang daripada modal terbitan dan berbayar (tidak termasuk apa-apa syer keutamaan boleh tebus) penerbit tersenarai (selepas ini disebut sebagai "Modal") berdasarkan akaun teraudit atau tidak teraudit terkininya.

Bagi maksud pengiraan, yang berikut hendaklah terpakai:-

- (i) "hasil secara disatukan" terdiri daripada hasil penerbit tersenarai, subsidiarinya, dan juga hasil syarikat bersekutu penerbit tersenarai, yang dikira mengikut kadar, berdasarkan pegangan ekuiti penerbit tersenarai dalam syarikat bersekutu itu; dan

- (ii) jika terdapat perubahan pada Modal dalam tahun kewangan itu, Modal purata berwajaran bagi tahun kewangan itu hendaklah digunakan. Modal purata berwajaran ertinya jumlah amaun Modal pada awal tahun kewangan, diselaraskan dengan amaun kenaikan atau pengurangan Modal semasa tahun kewangan itu digandakan dengan faktor wajaran masa. Faktor wajaran masa ialah bilangan hari yang Modal tertentu masih belum dibayar sebagai sebahagian daripada jumlah bilangan hari dalam tahun kewangan itu.

Contoh - Purata Berwajaran Modal bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2xx1

		Modal Terbitan dan Berbayar (RM)
1 Januari 2xx1	Baki	60,000,000
1 Jun 2xx1	Terbitan 10,000,000 syer baharu secara tunai	70,000,000
1 Dis 2xx1	Terbitan 12,000,000 syer baharu secara tunai	82,000,000

Pengiraan purata berwajaran:

$$(60,000,000 \times 151/365) + (70,000,000 \times 183/365) + (82,000,000 \times 31/365) = 66,882,185$$

- 2.3 Perenggan 2.1 (h) tidak terpakai bagi dana tertutup, pelaburan amanah harta tanah, dana dagangan bursa dan syarikat projek infrastruktur yang belum menyiapkan dan memulakan operasi projek infrastruktur mereka. Bagi maksud perenggan ini, "projek infrastruktur" adalah sebagaimana yang ditakrifkan dalam Garis Panduan Suruhanjaya tentang Tawaran Ekuiti dan Sekuriti Terbitan Ekuiti.

3.0 Obligasi penzahiran Penerbit Tersenarai yang Terjejas

- 3.1 Menurut perenggan 8.14C(2)(b) Kehendak-Kehendak Penyenaraian, Penerbit Tersenarai yang Terjejas mesti mematuhi kehendak-kehendak penzahiran yang berikut:-

- (a) mengumumkan yang berikut, secara serta-merta (kemudian daripada ini disebut sebagai "Pengumuman Pertama") apabila Penerbit Tersenarai yang Terjejas memenuhi satu atau lebih daripada Kriteria Ditetapkan:-
- (i) bahawa penerbit tersenarai ialah Penerbit Tersenarai yang Terjejas menurut Nota Amalan ini;
 - (ii) obligasi penerbit tersenarai menurut Nota Amalan ini;
 - (iii) kesan ketidakpatuhan obligasi tersebut; dan
 - (iv) status pelan syarikat tersenarai untuk mematuhi Obligasi untuk Menjadikan Teratur (sebagaimana yang ditakrifkan dalam perenggan 8.14C(2)(a) Kehendak-Kehendak Penyenaraian) atau status usahanya untuk menggubal pelan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, atau jika tiada pelan atau usaha untuk menggubal pelan itu dilakukan, suatu pernyataan negatif yang bersesuaian yang bermaksud sedemikian;

- (b) mengumumkan status pelannya sebagaimana yang disebut dalam perenggan (a)(iv) di atas dan bilangan bulan hingga berakhir rangka masa yang berkenaan yang disebut dalam perenggan 4.1 atau 4.2 di bawah, sebagaimana yang berkenaan, secara bulanan (kemudian daripada ini disebut sebagai "Pengumuman Bulanan") sehingga notis lanjut daripada Bursa;
- (c) mengumumkan pematuhan atau ketidakpatuhannya terhadap obligasi tertentu yang dikenakan menurut Nota Amalan ini secara serta-merta; dan
- (d) mengumumkan perincian Pelan Menjadikan Teratur sebagaimana yang disebut dalam perenggan 8.14C(3) Kehendak-Kehendak Penyenaraian yang pengumuman itu mesti memenuhi kehendak-kehendak yang dinyatakan dalam perenggan 3.1A di bawah (kemudian daripada ini disebut sebagai "Pengumuman Diperlukan").

3.2 Pengumuman Diperlukan mesti memenuhi syarat-syarat yang berikut:-

- (a) pengumuman itu mesti mengandungi perincian Pelan Menjadikan Teratur dan garis masa untuk menyelesaikan pelaksanaan Pelan Menjadikan Teratur itu; dan
- (b) ia mesti diumumkan oleh penasihat kewangan korporat yang boleh bertindak sebagai penasihat utama di bawah Garis Panduan Suruhanjaya tentang Penasihat Utama bagi Cadangan Korporat 3.1B. Penerbit Tersenarai yang Terjejas mesti memastikan bahawa sebelum membuat Pengumuman Diperlukan:-
 - (i) semua perjanjian yang dibuat dengan pihak ketiga sebagai sebahagian daripada Pelan Menjadikan Teratur, telah ditandatangani dengan sewajarnya oleh semua pihak kepada perjanjian itu; dan
 - (ii) jika Pelan Menjadikan Teratur melibatkan kompromi atau perkiraan dengan pemiutang Penerbit Tersenarai yang Terjejas, Penerbit Tersenarai yang Terjejas telah mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memperoleh persetujuan secara prinsip pemiutang itu.

3.3 Pengumuman Bulanan mesti dibuat pada hari pasaran pertama setiap bulan bermula dengan bulan selepas tarikh Pengumuman Pertama.

4.0 Obligasi untuk Menjadikan Teratur

4.1 Penerbit Tersenarai yang Terjejas mesti mengemukakan Pelan Menjadikan Teratur sebagaimana yang disebut dalam perenggan 8.14C(3) Kehendak-Kehendak Penyenaraian kepada Pihak Berkuasa Melulus sebagaimana yang disebut dalam perenggan 8.14C(2)(a)(i) Kehendak-Kehendak Penyenaraian untuk kelulusan dalam tempoh 8 bulan dari tarikh Pengumuman Pertama (iaitu Rangka Masa Pengemukakan)

4.2 Penerbit Tersenarai yang Terjejas mesti melaksanakan Pelan Menjadikan Teratur dalam rangka masa yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melulus.

5.0 Tarikh Kuat Kuasa

5.1 Nota Amalan ini berkuat kuasa pada 3 Januari 2005."

[Lampiran Tamat]